

LATIHAN JENIS AYAT SPM

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian kenal pasti empat jenis ayat yang terdapat dalam petikan, iaitu **ayat penyata**, **ayat tanya**, **ayat seruan** dan **ayat perintah**.

Sejak 1975, masalah obesiti menjadi kebimbangan global. Persoalannya, apakah cara terbaik untuk mengatasi masalah obesiti? Terdapat pelbagai cara mengatasi masalah berat berlebihan dan obesiti. Antaranya melalui penjagaan diet seimbang. Jangan makan secara berlebihan terutamanya makanan yang mengandungi gula dan lemak yang banyak. Wahai ibu bapa, jagalah pemakanan anak-anak! Hal ini demikian kerana, makanan sihat penting untuk menjaga kesihatan diri dan keluarga.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Atasi Obesiti Agenda PBB Demi Kemakmuran Dunia' oleh Haifaa Ramli, Berita Harian)

1) Ayat Penyata

2) Ayat Tanya

3) Ayat Seruan

4) Ayat Perintah